

# PANGLIMA ANGKATAN TENTERA KE-20 DIMASYHURKAN SEBAGAI AHLI HALL OF FAME KE- 10

[airforce.mil.my/berita/acara-rasmi/4049-panglima-angkatan-tentera-ke-20-dimasyhurkan-sebagai-ahli-hall-of-fame-ke-10](http://airforce.mil.my/berita/acara-rasmi/4049-panglima-angkatan-tentera-ke-20-dimasyhurkan-sebagai-ahli-hall-of-fame-ke-10)

KUALA LUMPUR, 29 Okt 18 – Panglima Angkatan Tentera Ke-20, Jeneral Tan Sri Dato' Seri Panglima Haji Zulkifli bin Haji Zainal Abidin hari ini telah dimasyhurkan sebagai ahli Hall of Fame ke-10, Maktab Pertahanan Angkatan Tentera (MPAT).

Hall of Fame MPAT merupakan penghormatan tertinggi MPAT kepada alumninya yang cemerlang serta berjaya mencapai tahap tertinggi dalam perkhidmatan masing-masing.

Turut hadir pada majlis tersebut adalah Lembaga Gabenor Maktab (Board of Governors), Panglima Tentera Udara, Jeneral Tan Sri Dato' Sri Hj Affendi bin Buang TUDM, Panglima-panglima Perkhidmatan yang lain, Pegawai-pegawai Kanan serta para penuntut MPAT.

